

Bil. S 14

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN), 2013

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Pindaan bab 35 dari Penggal 35.
 3. Pemasukan bab-bab 42AA dan 42AB baru.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN), 2013

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Cukai Pendapatan (Pindaan), 2013 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuatkuasanya pada 1hb Januari 2012.

Pindaan bab 35 dari Penggal 35.

2. Bab 35 dari Akta Cukai Pendapatan, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda dalam ceraihan (1) —

(a) dengan memotong perenggan (d) dan menggantikannya dengan perenggan baru yang berikut —

“(d) tahun taksiran 2011 ke atas pendapatan boleh cukai bagi setiap syarikat, cukai pada kadar 22%,”;

(b) dengan menambah perenggan baru yang berikut sejurus selepas perenggan (d) —

“(e) tahun taksiran 2012 dan tahun-tahun taksiran yang kemudiannya ke atas pendapatan boleh cukai bagi setiap syarikat, cukai pada kadar 20%,”.

Pemasukan bab-bab 42AA dan 42AB baru.

3. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan dua bab baru yang berikut sejurus selepas bab 42A —

“Kredit cukai ke atas gaji yang dibayar kepada pekerja baru.

42AA. (1) Tertakluk kepada ceraihan (2), jika seseorang majikan melakukan perbelanjaan untuk membayar gaji kepada pekerja-pekerja barunya, kredit cukai pada kadar 50% dari perbelanjaan atas gaji yang dibayar itu hendaklah diberikan bagi cukai yang kena dibayar olehnya bagi tahun taksiran yang berkaitan.

(2) Kredit cukai itu hendaklah —

(a) diberikan berkaitan dengan pekerja-pekerja baru —

(i) yang merupakan sama ada warganegara Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap;

(ii) yang gaji kasarnya, dalam tempoh asas, tidak melebihi \$3,000 sebulan; dan

(iii) yang jumlah carumannya yang bersamaan telah dibayar kepada Tabung Amanah Pekerja (Employees Trust Fund) yang ditubuhkan di bawah Akta Tabung Amanah Pekerja (Penggagal 167);

(b) tersedia ada bagi tempoh permulaan 36 bulan dan di sepanjang tempoh itu pekerja baru itu terus berada di bawah penggajian majikan itu.

(3) Dalam bab ini, “pekerja baru” bermakna seseorang yang belum bekerja bagi suatu tempoh sekurang-kurangnya satu tahun sejurus sebelum tarikh penggajiannya dengan majikan yang menuntut kredit cukai itu.

Kredit cukai bagi latihan.

42AB. (1) Tertakluk kepada cerai (2), jika seseorang majikan melakukan perbelanjaan dalam tempoh asas, untuk melatih pekerja-pekerjanya, kredit cukai hendaklah diberikan bagi cukai yang kena dibayar olehnya bagi tahun taksiran yang berkaitan.

(2) Kredit cukai itu hendaklah bersamaan dengan jumlah gaji kasar yang dibayar dalam tempoh latihan pekerja-pekerja —

(a) yang merupakan warganegara Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap;

(b) yang gaji kasarnya, dalam tempoh asas, tidak melebihi \$2,000 sebulan; dan

(c) yang jumlah carumannya yang bersamaan telah dibayar kepada Tabung Amanah Pekerja (Employees Trust Fund) yang ditubuhkan di bawah Akta Tabung Amanah Pekerja (Penggagal 167).

(3) Dalam bab ini, “latihan” bermakna pendidikan atau pengajaran yang disediakan oleh sesebuah universiti, kolej, politeknik,

sekolah teknikal atau institusi, yang dibenarkan, diiktiraf atau didaftarkan oleh pihak berkuasa atau badan yang berkaitan, tetapi tidak termasuk latihan dalaman.”.

Diperbuat pada hari ini 24 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1434 bersamaan dengan 7 haribulan Mac, 2013 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM